

NIFAS

1. Nifas ialah darah yang keluar selepas melahirkan anak.
2. Darah yang keluar ketika sakit bersalin atau keluar bersama dengan anak tidak dianggap sebagai darah nifas kerana darah tersebut keluar mendahului anak dan ia dianggap darah fasid (rosak).
3. Oleh itu, wajib seorang wanita bersembahyang ketika sakit hendak bersalin walaupun ia melihat darah keluar. Sekiranya ia tidak mampu untuk bersolat, maka wajib mengqa-dha'kannya setelah kering darah nifas.
4. Tempoh nifas ialah seketika (satu *lahzoh*) dan kadang-kadang berterusan beberapa hari. Kebiasaannya 40 hari dan 60 hari paling maksimum.
5. Jika darah nifas masih berterusan mengalir selepas 60 hari, ia adalah darah istihadhah dan wajib menunaikan ibadah seperti biasa mengikut syarat-syarat yang telah dimaklumkan.
6. Perkara yang diharamkan semasa seseorang itu nifas adalah mengambil hukum sebagaimana haid.
7. Seorang wanita harus bersegera mandi hadas besar apabila telah kering darah nifas. Tindakan melengah-lengahkan mandi hadas untuk solat adalah berdosa.



* Rujukan dari Kitab Fikah Mazhab Syafie karangan Dr. Mustofa al-Khin, Dr. Mustofa al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji Jilid 1.

WILADAH

1. Wiladah ialah darah yang keluar apabila seorang perempuan melahirkan anak atau mengalami keguguran janin walaupun berbentuk darah beku (*'alaqah*) atau seketul daging (*mudhghah*).
2. Mazhab Maliki, Hanafi dan Syafie berpendapat perlu wajib mandi apabila melahirkan anak (kerana keluar darah wiladah) manakala Mazhab Hanbali berpendapat tidak wajib mandi kerana wiladah apabila tidak keluar darah.
3. Oleh itu, seorang wanita perlu mandi wajib kerana keluar darah wiladah selepas bersalin kerana melahirkan anak (tidak semestinya se-jurus selepas melahirkan anak) jika tidak keluar darah nifas.

INGATAN BUAT KAUM HAWA

- ▶ Perempuan yang hampir melahirkan anak, selagimana belum pecah ketuban atau belum keluar darah kerana melahirkan anak, maka wajib baginya menunaikan solat dengan cara yang sesuai dan tidak memudaratkan diri dan bayi yang akan dilahirkan.
- ▶ Bagi perempuan yang keguguran, selagimana janin tidak dikeluarkan daripada rahim maka wajib baginya menunaikan solat seperti biasa kerana dia belum keluar darah wiladah/ nifas.
- ▶ Perempuan yang mengalami pendarahan ketika mengandung dan bayi dalam kandungan masih selamat, mereka juga wajib menunaikan solat seperti biasa kerana darah yang keluar itu adalah darah istihadhah (penyakit) bukan darah wiladah.
- ▶ Setiap wanita perlu membuat catatan bagi menentukan masa haidh dan suci/istihadhah bagi mengelakkan kekeliruan selain memudahkan untuk beribadah, menentukan 'iddah (akibat perceraian), mengenalpasti tarikh kehamilan dan kelahiran anak.

TERBITAN
2011



WANITA & DARAH



Disediakan oleh :

Unit Hal Ehwal Islam
Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang
Tel : 03-3375 7000 samb. 1504/1507

**SILA LETAKKAN RISALAH INI
DI TEMPAT YANG SEWAJARNYA**

APA ITU HAID?

1. Haid ialah darah yang keluar dari rahim perempuan melalui farajnya pada masa tertentu dan dalam keadaan sihat jasmaninya.
2. Had umur permulaan haid ialah 9 tahun. Jika seseorang perempuan berumur kurang dari 9 tahun dan telah keluar darah, maka ia dikategorikan sebagai darah fasid (darah rosak) atau darah istihadhah.
3. Secara umumnya, haid akan putus apabila seorang perempuan mencapai umur 62 tahun dan ia dikenali sebagai putus haid atau ayisah (أيسة). Had umur ini akan berubah bergantung kepada faktor kesihatan, persekitaran dan sebagainya.
4. Saidatina Fatimah az-Zahra', puteri Baginda SAW merupakan satu-satunya wanita yang tidak pernah mengalami haid dan beliau hanya mengeluarkan setitis darah sahaja semasa melahirkan putera kembarnya, Hasan dan Hussin.
5. Tempoh masa yang paling singkat keluar haid ialah 24 jam sehari/ malam. Tempoh biasa keluar haid ialah 6 hingga 7 hari/ malam manakala had maksimumnya ialah 15 hari/ malam.
6. Jika ada wanita yang mengeluarkan darah selama 15 hari/ malam tetapi tidak terus menerus dan jika dikumpulkan semua tidak ada darah yang keluar berterusan selama 24 jam, maka darah itu ialah darah istihadhah.
7. Batas masa paling minimum seorang wanita mengalami 2 haid ialah 15 hari/ malam. Manakala wanita yang mengalami masa suci tiada batasan maksima kerana ada sebahagian wanita yang mengalami haid 6 bulan sekali (kurang atau lebih dari tempoh itu).

8. Perkara-perkara yang diharamkan semasa hadas besar ialah solat, puasa, tawaf, tinggal dalam masjid dan tidak haram melintasinya, menyentuh, membaca dan membawa al-Qur'an, jimak (bersetubuh) dan beristimta' antara pusat dan lutut dan haram bagi lelaki menjatuhkan talaq kepada isterinya yang dalam keadaan haid.

9. Seseorang wanita dapat mengetahui sama ada dirinya telah suci atau belum dengan cara memasukkan kapas ke dalam farajnya. Jika cecair basah/ meresap pada kapas berwarna putih (tidak terdapat darah) ia dianggap telah suci.

10. Seseorang wanita harus segera mandi daripada hadas besar sekiranya darah yang keluar telah kering. Hukum lewat-lewatkan mandi tersebut adalah berdosa kerana mengabaikan solat.



11. Sekiranya wanita yang datang haid pada masa telah masuk waktu solat sedangkan dia belum menunaikan solat dan dia mempunyai masa yang cukup untuk berwudhu' dan solat, maka dia wajib mengqadha'kan solat tersebut apabila tamat tempoh haid.

12. Sekiranya seorang wanita telah tamat tempoh haid dan dia tidak bersegera untuk mandi hadas sedangkan tempoh solat masih ada dan dia gagal menunaikan solat ketika itu maka dia wajib mengqadha'kan solat tersebut. Tetapi jika dia didatangi darah haid buat pertama kali, tidak wajib ke atasnya untuk qadha solat.

13. Begitu juga wajib qadha' sembahyang yang ditinggalkan semasa ragu-ragu darah yang keluar itu sama ada haid atau istihadhah yang mana ternyata bahawa darah itu ialah darah istihadhah.

ISTIHADHAH

1. Darah yang keluar dari satu urat yang terletak di bawah rahim yang dikenali al-'aazil.
2. Contoh kes : Wanita berumur 45 tahun mengadu pendarahan yang berpanjangan selama 10 hari, diikuti sedikit-sedikit selama 15 hari. Setelah seminggu berhenti beliau mengalami pendarahan sedikit2 selama 5 hari.

Kaedah 1 - sekiranya kebiasaan haid 7 hari, maka 3 hari selebihnya dan 15 hari yang sedikit2 adalah istihadhah. Beliau mesti bersolat dalam tempoh ini. Darah sedikit-sedikit selepas berhenti seminggu adalah haid.

Kaedah 2 - sekiranya haid tidak tetap tetapi mampu membezakan antara warna darah haid dan bukan haid, beliau hendaklah mengambilkira tempoh darah berwarna darah haid sebagai tempoh haid.

Kaedah 3 - sekiranya haid tidak tetap dan tidak dapat membezakan warna darah, beliau hendaklah mengambilkira kebiasaan haid iaitu 6-7 hari sebagai tempoh haid dan yang bakinya adalah istihadhah.

*Kaedah yang sama untuk menentukan puasa.

3. Seseorang wanita perlu menentukan tempoh dan warna darah yang keluar sama ada hitam, merah, coklat, kelabu atau kekuningan bagi membezakan sama ada haid atau istihadhah.
4. Darah istihadhah hanya membatalkan wudhu', tidak mewajibkan mandi dan diwajibkan untuk bersolat dan melakukan ibadah yang lain.
5. Wanita yang hendak bersolat perlu memastikan bahawa telah masuk waktu solat, membasuh kawasan keluar darah, memakai tuala wanita untuk menahan keluar darah dan hendaklah berwudhu setiap kali solat fardhu.